



**KERAJAAN MALAYSIA**

---

**Tatacara Pengurusan  
Aset Hidup Tumbuhan (TPT) :  
Pendahuluan**

---

**PERBENDAHARAAN MALAYSIA**

## KANDUNGAN

<b>TATACARA PENGURUSAN ASET HIDUP TUMBUHAN (TPT) .....</b>	<b>2</b>
<b>AM 5.1 Pendahuluan.....</b>	<b>2</b>
<b>1. Tujuan .....</b>	<b>2</b>
<b>2. Definisi.....</b>	<b>2</b>
<b>3. Kategori Tumbuhan .....</b>	<b>2</b>
<b>4. Istilah .....</b>	<b>4</b>
<b>5. Akta-akta yang berkaitan dengan Aset Hidup Tumbuhan.....</b>	<b>4</b>

## **TATACARA PENGURUSAN ASET HIDUP TUMBUHAN (TPT)**

### **AM 5.1 Pendahuluan**

#### **1. Tujuan**

Tatacara Pengurusan Aset Hidup Tumbuhan ini adalah tatacara bagi menguruskan Tumbuhan Kerajaan meliputi Penerimaan, Pendaftaran, Penggunaan dan Penjagaan, Pemeriksaan, Pindahan, Pelupusan, Kehilangan dan Hapus Kira.

#### **2. Definisi**

Tumbuhan bermaksud apa-apa jenis tumbuhan atau apa-apa bahagian yang terhasil daripadanya termasuklah batang, dahan, ubi, bebawang, umbisi, rhizom, pokok penanti, kayu mata tunas, keratan, tut, keratan tunas, pelekap, akar, daun, bunga, buah, biji atau apa-apa jua bahagian atau keluaran lain dari sesuatu tumbuhan itu sama ada terputus atau tercantum.

#### **3. Kategori Tumbuhan**

Tumbuhan terbahagi kepada tiga (3) kategori iaitu:-

##### **3.1 Tanaman Kekal**

Tanaman yang jangka hayat ekonomik melebihi 3 tahun yang ditanam untuk tujuan pengeluaran hasil, pemerhatian teknologi, penyelidikan, ameniti dan pemuliharaan genetik Tumbuhan.

##### **3.2 Tanaman Bukan Kekal**

Tumbuhan yang jangka hayat ekonomik tidak melebihi 3 tahun yang ditanam untuk tujuan pengeluaran hasil, pemerhatian teknologi, penyelidikan, ameniti dan pemuliharaan genetik Tumbuhan.

##### **3.3 Bahan Tanaman**

Bermaksud daripadanya dapat digunakan untuk menghasilkan sesuatu jenis tanaman. Bagi tujuan pengurusan Tumbuhan, pokok penanti, pokok matatunas, bahan tisu kultur, debunga, sayur-sayuran dan seumpamanya dikategorikan sebagai bahan tanaman. Antara jenis bahan tanaman ialah:-

- 3.3.1 **Biji Benih** iaitu biji yang diproses daripada buah yang diambil daripada pokok induk terpilih dan mencapai piawaian minimum biji benih seperti ditetapkan oleh Jabatan berkenaan;
- 3.3.2 **Anak Benih** adalah semua jenis tumbuhan yang dihasilkan melalui kaedah semaian biji benih atau tisu kultur untuk tujuan penanaman. Piawaian minimum anak benih seperti ditetapkan oleh Jabatan berkenaan;
- 3.3.3 **Anak Pokok Cantuman** adalah semua jenis tumbuhan yang dihasilkan melalui kaedah cantuman bahagian pokok Induk/ Sion dengan pokok penanti. Piawaian minimum anak pokok cantuman seperti ditetapkan oleh Jabatan berkenaan;
- 3.3.4 **Anak Tut** adalah pokok yang dibiak hasil daripada ranting yang berakar setelah diberi aruhan perakaran;
- 3.3.5 **Keratan** adalah mana-mana bahagian pokok yang sesuai digunakan untuk pembiakan;
- 3.3.6 **Umbisi** adalah tumbuhan yang tumbuh daripada ubi;
- 3.3.7 **Sulur** adalah tunas yang tumbuh dari bahagian pokok induk dan boleh digunakan sebagai anak pokok;
- 3.3.8 **Pokok Penanti** adalah anak benih yang digunakan untuk dicantum dengan sion daripada varieti yang dikehendaki;
- 3.3.9 **Pokok Mata Tunas** adalah pokok yang ditanam di ladang dan digunakan untuk mendapatkan sion dalam proses pembiakan tampang. Pokok ini asalnya diperolehi daripada pokok induk yang telah dikenal pasti;
- 3.3.10 **Debunga** adalah debu bunga yang dihasilkan daripada bunga jantan;
- 3.3.11 **Bahan Tisu Kultur** adalah bahan pembiakan termasuk *in vitro plantlets* yang dihasilkan melalui kaedah tisu kultur; dan
- 3.3.12 **Anak Pokok** adalah tanaman yang masih disimpan di tapak semaian seperti tanaman dalam pasu, polybag, kotak tanaman dan seumpamanya; dan
- 3.3.13 Tumbuhan yang dihasilkan dari apa-apa jenis bahan tanaman yang **jangka hayatnya tidak melebihi 12 bulan** seperti pokok hiasan, herba dan lain-lain.

#### **4. Istilah**

Istilah dan perkataan yang diguna pakai dalam Tatacara Pengurusan Aset Hidup Tumbuhan Kerajaan (TPT) hanyalah bagi maksud pengurusan aset Tumbuhan Kerajaan sahaja.

#### **5. Akta-akta yang berkaitan dengan Aset Hidup Tumbuhan**

Akta dan peraturan berkaitan Aset Hidup Tumbuhan yang sedang berkuatkuasa adalah seperti berikut:-

- 5.1 Akta Kuarantin Tumbuhan 1976 (Akta 167)
- 5.2 Akta Perhutanan Negara 1984 (Akta 313)
- 5.3 Akta Perlindungan Varieti Baru Tumbuhan 2004 (Akta 634)
- 5.4 Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Akta 645)